

Sidang kemuncak ASEAN ke-9 antara

UM - 9 OCT 2003

BALI 8 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan sidang kemuncak ASEAN ke-9 yang berakhir di sini hari ini sebagai antara yang paling berjaya kerana ia telah meletakkan ASEAN pada perspektif yang lebih jelas dan tersusun.

Perdana Menteri yang menghadiri sidang

kemuncak ASEAN buat kali terakhir, yakin ASEAN akan terus maju dan mencapai kejayaan walaupun tanpa kehadirannya selepas ini.

Dalam sidang akhbar pada penghujung mesyuarat tersebut di sini, Dr. Mahathir berkata, "ASEAN bertindak secara kolektif

dan pergerakannya tidak terjejas walaupun kepimpinan di beberapa negara anggota mengalami perubahan."

Ketua-ketua kerajaan ASEAN semalam mengadakan satu majlis penghormatan ke atas beliau sebagai menghargai jasa dan sumbangannya kepada ASEAN sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

paling berjaya — Dr. M

Menurut Dr. Mahathir, sidang kemuncak kali ini bukan saja meletakkan persefahaman yang lebih mendalam di kalangan negara anggota malah berjaya mencapai persetujuan dalam beberapa perkara penting.

Katanya, pada sidang kemuncak kali ini, ASEAN menerima pakai Deklarasi Bali

Concord II yang akan membawa ASEAN setapak ke hadapan dalam kerjasama keselamatan dan ekonomi.

"Kita juga bercakap tentang penubuhan Komuniti Ekonomi Asia Timur dan ini sudah tentu merupakan satu kemajuan besar," katanya.

Tambahnya, walaupun sebelum ini cadangan untuk mewujudkan kerjasama di Asia Timur tidak disukai oleh kelompok di luar ASEAN tetapi kini perkara itu semakin menjadi realiti.

Ditanya apakah beliau berpuashati kerana sebahagian besar daripada cadangannya kini diterima sebagai projek ASEAN, kata Dr. Mahathir, adalah tidak benar cadangan-cadangan ini hanya datang daripadanya.

"Dalam ASEAN, kita berfikir secara bersama dan keputusan dibuat secara bersama, tidak ada sesiapa yang boleh mendakwa merekalah yang membuat cadangan ini," kata beliau.

Melalui ASEAN, katanya, Malaysia akan mendapat manfaat yang besar khususnya dari segi peluang-peluang pasaran yang lebih luas dan bekalan barangan daripada negara-negara anggota.

Mengenai isu Myanmar, Dr. Mahathir menjelaskan, para pemimpin ASEAN tidak percaya bahawa mengenakan sekatan ekonomi ke atas Myanmar akan menyelesaikan masalah di negara itu.

"Sekatan ekonomi ke atas Myanmar hanya akan menyusahkan rakyat di negara itu dan bukannya kerajaan Myanmar," katanya sebagai menjawab pertanyaan sama ada ASEAN patut mengenakan sekatan ekonomi ke atas negara itu kerana enggan membebaskan pemimpin prodemokrasi, Aung San Suu Kyi.

Menurut Dr. Mahathir, ASEAN tidak melihat isu Myanmar hanya ke atas isu seseorang itu saja tetapi lebih kepada secara menyeluruh.

Selain isu Suu Kyi, beliau menjelaskan, Myanmar mempunyai lebih 100 kumpulan pemberontak lain yang turut mengancam keselamatan di negara itu dan kerajaan Myanmar memerlukan masa untuk menanganinya. — Utusan